KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI KELANTAN			

PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN ULU GALAS

HM 21 Okt 2021_21

Kelantan tunggu laporan lengkap

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Kerajaan Kelantan menunggu laporan terperinci daripada Jabatan Perhutanan negeri berhubung pencerobohan yang didakwa berlaku di Hutan Simpan Ulu Galas, dekat Kampung Pulai, Gua Musang.

Timbalan Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, setakat ini pihaknya belum menerima laporan lengkap, melainkan maklumat awal yang mengesahkan ada pencerobohan membabitkan penanaman kebun durian dan getah secara haram.

"Mereka sudah menceroboh kawasan hutan simpan tanpa kebenaran dan menanam secara haram di tanah terbabit, malah tindakan penguatkuasaan juga sudah dibuat.

Kawasan hutan terutama hutan simpan tidak boleh dimasuki secara bebas dan ada peraturan yang perlu dipatuhi, selain memerlukan kebenaran bagi sesiapa sahaja yang hendak memasuki kawasan itu"

Mohd Amar Nik Abdullah



"Kawasan hutan terutama hutan simpan tidak boleh dimasuki secara bebas dan ada peraturan yang perlu dipatuhi, selain memerlukan kebenaran bagi sesiapa sahaja yang hendak memasuki kawasan itu.

"Lebih-lebih lagi yang menjadi kesalahan besar adalah menanam atau berkebun di kawasan yang dilarang," katanya selepas Mesyuarat Exco di Kompleks Kota Darulnaim di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan lebih 30 pengusaha kebun durian Musang King dan getah terkedu apabila diminta mengosongkan tapak seluas 90 hektar selepas 25 tahun mengusahakannya.

Dalam notis pengosongan bertarikh 30 September lalu yang dikeluarkan Jabatan Perhutanan Kelantan (JPNK), pekebun itu didakwa sudah meneroka Hutan Simpan Ulu Galas secara haram dan dikehendaki mengosongkannya dalam masa 14 hari.

Pengarah JPNK Abdul Khalim Abu Samah dilapor berkata, setakat ini arahan pengosongan itu muktamad, namun isu berkenaan akan dibincangkan lebih lanjut dengan kerajaan negeri dalam masa terdekat.